

**TEKS UCAPAN PENGHARGAAN**  
**YB YEO BEE YIN**  
**MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN**  
**PERUBAHAN IKLIM**  
**SEMPENA MAJLIS APRESIASI 2019, MESTECC**  
**7 MAC 2019**  
**PUSAT KONVENSYEN ANTARABANGSA PUTRAJAYA (PICC)**

Terima kasih kepada saudara/saudari pengacara majlis.

**YANG BERHORMAT ISNARAISAH MUNIRAH BINTI MAJILIS**  
Timbalan Menteri MESTECC

**YANG BERBAHAGIA DATUK SERI DR. MOHD AZHAR BIN HAJI**  
**YAHAYA**  
Ketua Setiausaha, MESTECC

**YANG BERUSAHA PUAN NOOR AFIFAH BINTI ABDUL RAZAK**  
Timbalan Ketua Setiausaha (Tenaga), MESTECC

**YANG BERUSAHA DR. NAGULENDRAN KANGAYATKARASU**  
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan Alam Sekitar dan Perubahan Iklim), MESTECC

**YANG BERUSAHA ENCIK MOHD YUSRI BIN MOHD YUSOFF**  
Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan)  
Selaku Pengerusi Jawatankuasa Induk Majlis Jasamu Apresiasi  
MESTECC 2019

Yang Berbahagia Datuk/Dato'/Dr./Tuan/Puan Ketua-Ketua  
Pengarah/Ketua Pegawai Eksekutif Jabatan dan Agensi di bawah  
MESTECC

**Serta yang diraikan para penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC), pesara dan bakal pesara MESTECC, tuan-tuan dan puan-puan warga MESTECC yang saya hormati sekalian.**

Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Malaysia.

Selamat datang ke **Majlis Apresiasi MESTECC 2019**.

### **ALU-ALUAN**

1. Saya bersyukur kerana dapat kita semua berhimpun pada hari ini dalam **Majlis Apresiasi MESTECC 2019**. Majlis ini bertujuan untuk **mengiktiraf kecemerlangan para penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)** Tahun 2018 dan pada masa yang sama **meraikan jasa dan bakti para pesara dan bakal pesara** di ibu pejabat MESTECC serta Jabatan bagi tahun 2019. Majlis Apresiasi pada tahun ini menjadi lebih bermakna kerana merupakan majlis apresiasi yang julung-julung kalinya diadakan selepas penubuhan MESTECC yang merupakan gabungan tiga fungsi utama kementerian iaitu tenaga, sains dan teknologi serta alam sekitar dan perubahan iklim.

### **TEMA MAJLIS – KUASAI (OWN IT), LAKSANA (DO IT), UNGGULI (ACE IT)**

Tuan-tuan dan puan-puan,

2. Seperti tuan/puan sedia maklum, tema Majlis Apresiasi pada tahun ini ialah **Kuasai (Own It), Laksana (Do It), Ungguli (Ace It)**. Tema ini diambil dari apa yang telah saya perkenal dan jelaskan kepada warga MESTECC dalam Majlis Amanat pada 28 Januari 2019 lalu. Kuasai, Laksana dan Ungguli merupakan manifestasi kecemerlangan dalam penyampaian perkhidmatan kepada stakeholders (atau pemegang taruh) dan rakyat dan jika dapat dihayati

dengan baik, dapat melahirkan pegawai yang sentiasa meletakkan kualiti perkhidmatan pada tahap yang tertinggi.

3. Kuasai (*own it*) bermaksud kita **mengambil tanggung jawab dan berperanan sepenuhnya** di atas tugas yang telah diamanahkan dan melaksanakannya (*do it*) dengan **efektif dan efisien** seterusnya menggunggulinya (*ace it*) dengan **memberikan perkhidmatan dan usaha yang terbaik**. Di mana, dengan penghayatan ketiga-tiga perkara ini akan menanam perasaan bangga dan *sense of ownership* yang tinggi dalam menjalankan tugas yang akhirnya hidup segar menjadi budaya dalam organisasi.

Tuan/puan sekalian,

4. Saya yakin bahawa **budaya kerja cemerlang** telahpun menjadi amalan setiap warga MESTECC berdasarkan sumbangan keringat dan idea sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam memastikan kejayaan Kementerian ini sepanjang tahun 2018. Sudah tentu saya mengharapkan komitmen ini dapat dipertingkatkan lagi terutama dalam merealisasikan **73 inisiatif MESTECC** (yang kini ditambah menjadi 77) pada tahun 2019 ini. Sebagaimana yang kita sedia maklum, 73 inisiatif tersebut merangkumi 20 inisiatif di bawah sektor tenaga, 22 inisiatif di bawah sektor sains, teknologi dan inovasi, 20 inisiatif di bawah sektor alam sekitar dan perubahan iklim di samping enam (6) inisiatif berkaitan isu-isu strategik dan **lima (5) inisiatif berkaitan kecemerlangan organisasi**.

5. Sesungguhnya, majlis apresiasi yang diadakan pada hari ini adalah merupakan satu elemen di bawah inisiatif kecemerlangan

organisasi atau ***Organization Excellence: Best Place to Work.*** Inisiatif ini secara khususnya menjadikan persekitaran MESTECC sebagai tempat kerja yang **kondusif dari segi fizikal dan insaniah** melalui pelbagai program yang telah dirancang dan dilaksanakan mengikut sukuhan/*quarter* yang telah ditetapkan. Berhubung perkara ini, sukacita saya **menyeru agar setiap ketua bahagian, jabatan dan agensi memberi komitmen yang tinggi** dalam setiap aktiviti yang telah dikenal pasti.

Tuan-tuan dan puan-puan,

6. Dalam kesempatan ini juga saya berharap seluruh warga MESTECC dapat sama-sama berganding bahu melaksanakan peranan masing-masing dalam melaksanakan lebih 150 pelan tindakan yang telah dikenal pasti dalam menjayakan kesemua 73 inisiatif ini. **Fokuskan kepada kelebihan (*strength*)** yang kita miliki dan pada masa yang sama memperbaiki kelemahan yang ada. Dengan iltizam yang tinggi, komitmen yang padu dan kerjasama yang erat merentas sektor organisasi, semua inisiatif ini dapat direalisasikan dengan berkesan.

### **HARAPAN KEPADA PENERIMA APC DAN PESARA/BAKAL PESARA**

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

7. Saya ingin **mengucapkan tahniah dan syabas kepada 450 penerima APC** atas penyampaian perkhidmatan cemerlang pada tahun 2018. Penganugerahan ini menzahirkan betapa Kementerian amat menghargai sumbangan dan jasa tuan/puan dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan. Diharapkan anugerah yang diterima ini akan menjadi pemangkin kepada tuan/puan untuk terus cemerlang pada masa-masa yang akan datang.
8. Pada masa yang sama, saya juga berharap agar anugerah ini menjadi pencetus motivasi kepada seluruh warga MESTECC supaya lebih komited dan bersemangat dalam menjayakan program-program MESTECC. Bersama-sama lah kita kuasai, laksana dan ungguli amanah yang telah diberikan bagi mencapai aspirasi Kementerian ini dalam menjadikan Malaysia sebuah negara yang berteknologi tinggi dan pada masa yang sama menjaga kelestarian alam semula jadi.
9. MESTECC juga amat **menghargai sumbangan 110 orang pesara dan bakal pesara** yang diraikan pada hari ini atas segala khidmat bakti, sumbangan dan pengorbanan yang telah dicurahkan dengan penuh dedikasi untuk Kementerian ini dan negara. **Terima kasih diucapkan.** Saya yakin dalam tempoh perkhidmatan tuan/puan yang sebahagiannya melebihi 30 tahun ini, tentunya pelbagai pengalaman pahit dan manis telah dilalui sebagai seorang penjawat awam. Pengalaman ini sudah tentunya menjadi kenangan berharga buat tuan/puan semua dan menjadi bekalan yang boleh membantu tuan/puan melalui hari-hari persaraan nanti.
10. Saya berharap agar tuan/puan masih terus aktif selepas persaraan dengan menceburkan diri dalam aktiviti yang sesuai untuk

diterokai dan memberi manfaat kepada komuniti. Sebagai contoh, dengan pengalaman dan pengetahuan yang telah diperolehi semasa berkhidmat, tuan/puan boleh menjadi agen yang dapat menjelaskan hasrat dan usaha-usaha yang dijalankan oleh Kerajaan untuk menjadikan Malaysia negara yang maju dan makmur. Pada masa yang sama, tuan/puan boleh menggalakkan komuniti tuan/puan untuk memberi sokongan dan membantu menjayakan usaha-usaha Kerajaan dalam konteks yang sesuai seperti kempen ***Zero Single-Use Plastics***, Program Rebat Bil Elektrik RM40, kepentingan pemeliharaan alam sekitar dan seumpamanya.

11. Selain itu, dalam tempoh perkhidmatan yang berbaki ini, tuan/puan diseru untuk **berkongsi ilmu dan pengalaman terutama yang berbentuk *tacit knowledge*** kepada pegawai-pegawai muda di MESTECC. Perkongsian ini adalah penting kerana bukan semua ilmu dapat dipelajari hanya dengan membaca prosedur kerja, pekeliling atau garis panduan sahaja. Ilmu yang diperolehi daripada pengalaman inilah yang sangat berharga dan boleh dijadikan panduan untuk melaksanakan tugas dengan lebih efektif.

## **PENUTUP**

Para penerima APC, pesara yang diraikan dan hadirin sekalian,

12. Bagi pihak MESTECC, saya sekali lagi **merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada penerima APC MESTECC bagi tahun 2018.**
13. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pesara dan bakal pesara MESTECC bagi tahun 2019 atas jasa dan bakti yang telah dicurahkan selama ini.
14. Akhir sekali, saya juga ingin **mengucapkan terima kasih atas usaha pihak Jawatankuasa Penganjur** yang merancang dan menjayakan majlis ini. Difahamkan, penganjuran majlis ini diadakan secara bersama dengan penglibatan secara langsung MESTECC dan Jabatan. Kesepakatan sebegini pasti **menimbulkan semangat kekitaan dan esprit de corp dalam kalangan warga MESTECC** keseluruhannya. Syabas diucapkan.

Sekian, terima kasih.